



Najib **bersalaman dengan orang ramai** yang membanjiri Batu Caves semalam, bagi menyambut perayaan Thai pusam.

[FOTO AZHAR RAMLI/BH]

# Keunikan Thaipusam pikat pelancong asing

» *Perayaan penganut Hindu antara agenda penting TMM 2014*

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Nadia Hamid  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

**P**erayaan Thaipusam yang disambut penuh warna warni oleh puluhan ribu penganut Hindu di seluruh negara semalam, membuktikan nilai keharmonian beragama masyarakat Malaysia sentiasa dijamin dan diberi keutamaan.

Sejak jam 7 pagi lagi, rakyat pelbagai kaum termasuk pelancong asing mula membanjiri sekitar pekarangan Batu Caves di sini, yang menjadi lokasi tradisi sambutan itu bagi sama-sama menyaksikan keunikan ritual agama Hindu.

Kehadiran Datuk Seri Nizar Razak yang tiba pada jam 10.10 pagi memeriahkan lagi suasana sambutan dengan orang ramai mula berpusu-pusu masuk ke kawasan gerai, bertemu dan bersalaman dengan pemimpin nombor satu negara itu.

Ketibaan Perdana Menteri dengan berpakaian tradisi masyarakat India 'kurta' berwarna krim disambut Pengerusi Kuil Dhevadthanam Sri Maha Mariamman, Tan Sri R Nadarajah serta barisan kepimpinan MIC.

Antaranya, Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri Dr S Subramaniam; Naibnya, Datuk S Saravanan dan anggota Jawatankuasa Kerja Pusat MIC, P Kamalanathan. Turut hadir Duta Khas Malaysia ke India dan Asia Selatan, Datuk Seri S Samy Vellu serta Naib Presiden GERAKAN, A Kohilan Pillay.

## Najib luang masa sejam

Najib yang meluangkan masa kira-kira sejam di kawasan sambutan kemudian dibawa melawat beberapa gerai jualan serta beramah mesra dengan pengunjung dan peniaga. Seterusnya, beliau menuju ke tingkat atas bangunan Kuil Sri Subramaniam Swamy dan kemudian melambai ke arah puluhan ribu orang ramai yang membanjiri pekarangan kuil itu.

Sambutan Thaipusam turut disenaraikan dalam kalendar pelancongan negara dan Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014 yang membuka tirainya awal bulan ini, dijangka mampu menarik kehadiran pelancong tempatan dan asing.

Najib dalam perutusan khas di tweeter sempena Thaipusam berkata, sambutan perayaan itu bukan saja upacara keagamaan tetapi menjadi agenda utama tarikan negara ini yang tercatat dalam kalendar pelancongan Malaysia.

Pada kunjungan itu juga, Najib turut meluangkan masa berbincang dengan pemimpin masyarakat India dan pihak penguurusan Batu Caves mengenai komitmen kerajaan terhadap penganut agama Hindu.

Sementara itu, Kamalanathan yang juga Timbalan Menteri Pendidikan II berkata, Perdana Menteri teruja dan berasa kagum dengan kunjungan orang ramai termasuk pelancong yang hadir menyaksikan pada sambutan itu.

Beliau berkata, dalam pertemuan lebih 30 minit itu, Najib juga menyatakan kesediaan dan komitmen kerajaan untuk membantu dalam membangunkan sekitar kawasan Batu Caves.

Di IPOH, beribu-ribu penganut Hindu membanjiri Kuil Subramaniam di kawasan batu kapur Gunung Cheroh berhampiran Bandar Ipoh Raya di sini, sejak petang semalam, bagi menyambut Thaipusam.

Selain penganut yang mencukur rambut sebagai membayar nazar, ada juga berjalan kaki membawa belanga berisi susu serta membawa kavadi dengan pelbagai rekaan dan hiasan untuk memenuhi niat atau meminta rahmat masing-masing.

## 200,000 hadir sambutan

Di GEORGETOWN, lebih 200,000 penganut Hindu termasuk pelancong asing bertumpu di kuil di sepanjang Jalan Kebun Bunga dan Jalan Air Terjun di sini, untuk upacara keagamaan dan membawa kavadi.

Meraka membanjiri sepanjang jalan utama menuju ke Kuil Sri Arulmigu Balathandayuthabani yang terletak di atas bukit.

Di KUCHING, walaupun Thaipusam bukan cuti umum di negeri ini, sambutan tetap meriah dengan 700 penganut Hindu bertumpu di Kuil Sri Srinivasagar Kaliaman, Jalan Ban Hock, dekat sini.

Meraka mengadakan perarakan bermula di tebing sungai berdekatan Jambatan Satok dan melalui Jalan Satok, Jalan Kulas, Jalan Tun Abang Haji Openg, Jalan Budaya, Park Lane, Jalan Tabuan serta Jalan Ban Hock sebelum berakhir di kuil berkenaan.

“Najib juga menyatakan kesediaan dan komitmen kerajaan untuk membantu dalam bangunan sekitar kawasan Batu Caves”

P Kamalanathan,  
Anggota  
Jawatankuasa  
Kerja Pusat MIC